FAQ

П

_

Soalan lazim



Topik: Bersara/Pencen

1. Adakah anggota yang sudah bersara/pencen boleh meneruskan menjadi anggota koperasi SAGUMPAS?

Ya, anggota yang sudah bersara masih boleh terus menjadi anggota. Yuran perlu dibayar sendiri (minima RM50.00/bulan) sama ada secara tunai atau atas talian (online transfer).

2. Adakah individu yang sudah bersara boleh menjadi anggota SAGUMPAS?

Maaf, tidak boleh.

3. Adakah anggota yang sudah bersara boleh membuat pinjaman/pembiayaan dengan koperasi SAGUMPAS?

Boleh, tetapi jumlah kelayakan pinjaman/pembiayaan berdasarkan 90% daripada jumlah yuran/saham anggota yang ada setelah ditolak baki pembiayaan sedia ada.

4. Adakah saham/yuran boleh dikeluarkan?

Tidak. Hanya Anggota yang berhenti sahaja yang boleh membuat pengeluaran saham/yuran.

Tetapi, anggota yang sudah bersara/pencen boleh membuat pengeluaran 90% saham/yuran mereka.

5. Adakah bayaran/saguhati untuk anggota yang bersara?

Maaf, tiada.

6. Apakah manfaat yang diterima anggota yang sudah bersara masih sama dengan sebelumnya?

Ya. Anggota masih menerima manfaat seperti khairat kematian, bantuan dermasiswa, pembiayaan (kelayakan 90% yuran/saham).

7. Berapa lama tempoh pembayaran dibuat selepas anggota berhenti menjadi anggota koperasi?

Anggota perlu menunggu selama 6 bulan daripada tarikh surat berhenti yang diluluskan oleh Mesyuarat ALK pada bulan tersebut. Anggota akan dihubungi untuk menandatangani baucar sebelum pembayaran dibuat.

8. Boleh ke anggota bersara/pencen menggunakan duit Saham/yuran untuk bayar yuran dan pembiayaan ?

Boleh. Anggota sudah bersara yang ingin terus kekal menjadi ahli boleh membuat 90% pengeluaran saham yg terkumpul. Jika ingin membayar yuran tertunggak/semasa/seterusnya dan hutang pembiayaan, anggota perlu menolak jumlah yuran dan hutang tersebut terlebih dahulu. Pengeluaran yang dibenarkan adalah 90% daripada baki saham yang ada setelah ditolak yuran dan hutang tersebut.

Topik: Dermasiswa

1. Bila permohonan dermasiswa boleh dilakukan?

П

П

Permohonan dermasiswa boleh dibuat bermula bulan **Januari** tahun semasa sehingga **30 Jun** tahun semasa.

2. Bagaimana permohonan dermasiswa dibuat?

Anggota boleh hadir ke pejabat koperasi SAGUMPAS untuk mendapatkan borang permohonan dermasiswa dan juga boleh memuatturun borang tersebut secara atas talian di laman web SAGUMPAS.com.

Borang yang telah dilengkapkan boleh dihantar secara walk-in ke pejabat, pos, e-mel (sagumpas1@gmail.com) dan whatsapp (dalam format pdf).

Bermula bulan 1/2024, anggota sudah boleh membuat permohonan dermasiswa secara online menggunakan sistem anggota.

3. Bila tarikh akhir menghantar borang dermasiswa?

Tarikh akhir penerimaan borang permohonan dermasiswa pada 30 Jun tahun semasa.

4. Apakah dokumen yang diperlukan semasa menghantar borang dermasiswa?

Borang permohonan dermasiswa yang dihantar perlu disertakan dengan pengesahan/cop Guru Besar/Pengetua/Sekolah dan Surat Tawaran belajar bagi anak yang belajar di IPT/IPTS/Sijil/Matrik.

5. Bila pembayaran dermasiswa akan dibuat?

Pembayaran dermasiswa dibuat secara tunai di pejabat pada bulan **September** tahun semasa (tarikh yang tetap akan diberitahu dari semasa ke semasa).

6. Adakah anggota boleh meminta koperasi untuk membuat pembayaran wang dermasiswa secara atas talian (online)?

Tidak. Buat masa ini pembayaran dermasiswa hanya dibuat secara tunai di pejabat. Jika anggota tidak hadir ke pejabat untuk mengambil wang dermasiswa dalam tempoh yang ditetapkan wang tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun tabung khas anggota itu sendiri.

7. Berapa lama tempoh diberikan kepada anggota untuk mengambil wang dermasiswa di pejabat?

Tempoh yang diberikan adalah selama sebulan (1) daripada tempoh yang ditetapkan oleh koperasi.

8. Apakah syarat kelayakan untuk anggota memohon dermasiswa?

Syarat utama permohonan dermasiswa adalah anggota **WAJIB** telah menjadi anggota koperasi minimum **5 tahun**.

Topik: Dividen

1. Bagaimanakah pembayaran dividen dibuat?

Pembayaran dividen dibuat secara TUNAI di pejabat.

2. Bila bayaran dividen akan diterima oleh anggota koperasi?

Pembayaran dividen berdasarkan tarikh yang ditetapkan oleh ALK koperasi selepas Mesyuarat Agung Tahunan dilaksanakan.

3. Bagaimanakah cara pengiraan dividen dibuat?

Dividen dikira berdasarkan yuran dan syer anggota x peratus (%) keuntungan koperasi dalam tempoh tertentu yang diluluskan oleh ALK.

4. Apa yang akan berlaku jika anggota tidak mengambil dividen tersebut?

Dividen tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun tabung khas anggota itu sendiri.

Topik: Tabung Khas

1. Apa yang dimaksudkan dengan tabung khas?

П

П

П

Tabung khas yang mana sebelum ini dikenali sebagai pertaruhan adalah tabung simpanan anggota. Tabung ini termasuk dalam bayaran bulanan yang dibuat oleh anggota setiap bulan (minimum RM10.00). Anggota boleh keluarkan wang di dalam tabung khas setiap 6 bulan.

2. Bagaimana permohonan pengeluaran khas dibuat?

Anggota boleh hadir ke pejabat koperasi SAGUMPAS untuk mendapatkan borang pengeluaran tabung khas dan juga boleh memuatnaik borang tersebut secara atas talian di laman web SAGUMPAS.com.

Borang yang telah dilengkapkan boleh dihantar secara walk-in ke pejabat, pos, e-mel (sagumpas1@gmail.com) dan whatsapp (dalam format pdf).

Bermula bulan 10/2023, anggota sudah boleh membuat permohonan pengeluaran tabung khas secara online menggunakan sistem anggota.

3. Berapa lama tempoh proses permohonan dan pembayaran tabung khas?

Bergantung kepada jumlah borang permohonan pengeluaran tabung khas yang diterima oleh koperasi pada satu masa. Kebiasaannya 2-3 hari bekerja (*T & C apply).

Topik: Sumbangan

1. Adakah anggota boleh memohon untuk mendapatkan sumbangan daripada koperasi?

Koperasi tiada peruntukan khas untuk memberi sumbangan kepada anggota koperasi tetapi anggota boleh membuat surat permohonan rasmi kepada koperasi memohon sumbangan untuk dipertimbangkan.

Topik: Pembiayaan/Pinjaman

1. Berapa peratus faedah/untung yang diambil oleh koperasi untuk satu pinjaman/pembiayaan yang dibuat oleh anggota?

Faedah/untung dikira berdasarkan tempoh pembiayaan/pinjaman dibuat. Bagi tempoh pembiayaan/pinjaman 3 tahun dan ke bawah peratus faedah/untung adalah 4% manakala pembiayaan/pinjaman 4 tahun dan ke atas adalah 5%.

2. Apa yang diperlukan untuk permohonan pembiayaan dengan koperasi?

П

Anggota koperasi perlulah melengkapkan borang permohonan pembiayaan mengikut kod pembiayaan yang dikehendaki dan menghantarnya beserta dengan 3 bulan penyata gaji terkini.

3. Bagaimana untuk mendapatkan borang permohonan pembiayaan?

Anggota boleh hadir ke pejabat SAGUMPAS untuk mendapatkan borang-borang pembiayaan dan juga boleh memuatnaik di laman web SAGUMPAS.com.

4. Bagaimana permohonan pembiayaan dihantar kepada koperasi?

Borang permohonan pembiayaan yang telah dilengkapkan boleh dihantar secara walk-in ke pejabat, pos, e-mel (sagumpas1@gmail.com) dan whatsapp (dalam format pdf).

Kemaskini: 19.01.2024